

08/07/2002

PM rai dua pasangan pengantin

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini menghadiri majlis perkahwinan dua anak Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid.

Perdana Menteri dan isteri yang baru pulang daripada lawatan dua hari ke Thailand tiba di majlis itu pada jam 3.30 petang, turut menepung tawar kedua-dua pasangan pengantin itu.

Majlis perkahwinan anak perempuan Azmi, Suraya, dan pasangannya Ali Burkhan Hussain, dilangsungkan serentak dengan Ilham Salimee, anak lelaki Azmi dan pasangannya, Tengku Nazeehah Tengku Mahmood di banglo Jabatan Kerja Raya dekat Jalan Conlay di sini.

Sebelum pulang, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah turut bergambar kenangan bersama kedua-dua pasangan pengantin bersama Azmi dan isterinya, Datin Yasmin Abdullah serta ibu bapa Tengku Nazeehah, Datuk Tengku Mahmood Tengku Abdul Hadi dan Datin Nazirah Abdullah.